

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG  
(IPOH TIMUR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 21.03.2018**

**Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah aduan-aduan yang diterima oleh KWSP berkenaan dengan kehilangan rekod-rekod penamaan oleh ahli-ahli KWSP.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Januari 2018, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah menerima beberapa aduan daripada ahli KWSP yang melahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap kehilangan rekod-rekod penamaan mereka. Berdasarkan semakan yang dilaksanakan, KWSP mendapati tiada

sebarang bukti yang menunjukkan bahawa rekod-rekod penamaan ahli tersebut telah hilang.

**SOALAN NO. 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHYA  
[TASEK GELUGOR]**

**TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah langkah promosi Kementerian dalam memperkasakan Sistem Maklumat Nasional Isu-isu Sosial (MANIS) dalam usaha untuk menjadikannya sebagai pusat rujukan nasional bagi kegunaan kumpulan sasar selain masyarakat luar bandar.**

13

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Sistem Maklumat Isu-isu Sosial (MaNIS) merupakan sistem pangkalan data yang dibangunkan berasaskan laman web (*web based*) sebagai platform untuk mengumpulkan maklumat-maklumat dan data-data berkaitan dengan isu sosial secara berpusat. Data-data yang dikumpulkan ini dikategorikan mengikut lapan (8) kumpulan sasar Kementerian iaitu Wanita, Orang Kurang Upaya, Kanak-Kanak, Warga Emas, Orang Papa, Keluarga, Mangsa Bencana dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Pada masa ini, MaNIS masih dalam proses pembangunan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada Jun 2018.

Tuan Yang Dipertua,

MaNIS dibangunkan bertujuan untuk mengumpulkan data yang tidak terhad kepada data-data di bawah Kementerian sahaja. Sehubungan itu, untuk mendapatkan kerjasama daripada lain-lain Kementerian dan Agensi, penekanan akan diberikan kepada aspek promosi MaNIS bagi

14

meningkatkan kesedaran tentang kewujudan sistem ini. Bagi tujuan ini, sebanyak 2% daripada kos pembangunan MaNIS telah diperuntukkan untuk melaksanakan aktiviti *change management* termasuklah promosi, bengkel dan sesi latihan.

Aktiviti promosi MaNIS akan dilaksanakan dalam tiga peringkat seperti berikut :

- i. Promosi dalaman yang menfokuskan kepada warga Kementerian dan agensi. Sehingga kini, pihak Kementerian telah mengadakan tiga (3) siri *roadshow* melibatkan agensi-agensi Kementerian seperti berikut :
  - a. 10 Ogos 2017 bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW);
  - b. 17 Ogos 2017 bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);  
dan
  - c. 18 Ogos 2017 bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

*Roadshow* ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan Pengurusan Tertinggi agensi-agensi Kementerian akan kewujudan sistem ini selain daripada mendapatkan maklum balas secara langsung terhadap kandungan sistem ini.

- 15
- ii. Promosi kepada rakan strategik Kementerian yang memfokuskan kepada lain-lain Kementerian dan agensi pembekal data. Satu mesyuarat melibatkan semua Kementerian akan diadakan pada bulan Mei 2018 untuk menyelaraskan kaedah pengumpulan data menggunakan MaNIS. Selain daripada itu juga, sesi demonstrasi MaNIS akan turut diadakan pada mesyuarat ini.
  
  - iii. *Roadshow* jelajah negeri yang memfokuskan kepada Agensi Kementerian di peringkat negeri dan daerah. Program ini dijangka akan diadakan pada bulan Jun 2018 melibatkan Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Utara, Sabah dan Sarawak. Semasa sesi *roadshow* ini, bahan promosi MaNIS akan diserahkan kepada Agensi di peringkat negeri untuk diedarkan dan dipamerkan di peringkat daerah.

Kementerian ini amat berharap melalui promosi ini, MaNIS bukan sahaja akan digunakan secara meluas tetapi dapat menarik lebih ramai Kementerian/Agensi untuk sama-sama berkongsi data dan maklumat untuk dipaparkan di dalam sistem ini seterusnya akan memperkayakan maklumat yang disediakan di dalam MaNIS.